

05 MAR 1999

Singapura-FPDA

MALAYSIA MAHU PERUBAHAN FORMAT LATIHAN KETENTERAAN

SINGAPURA, 5 Mac (Bernama) -- Latihan ketenteraan Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang dibatalkan tahun lepas, akan diadakan bulan depan, dan Malaysia meminta perubahan format, kata Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Akhbar Straits Times melaporkan Goh berkata para pegawai sedang mengkaji permintaan itu, dan beliau mengesahkan latihan ketenteraan yang melibatkan Singapura, Malaysia, Australia, Britain dan New Zealand akan diadakan.

Pegawai pertahanan dari kelima-lima negara bermesyuarat di Kuala Lumpur Selasa lepas dan bersetuju untuk mengadakan latihan udara dalam bulan April, menurut laporan itu.

"Malaysia mahu perubahan format latihan, para pegawai sedang mengkajinya, bagaimanapun latihan itu akan diadakan," kata Goh semasa sidang berita bersama rakan sejawatannya dari Australia John Howard, selepas perbincangan mereka di Canberra.

Goh tidak menjelaskan lebih lanjut permintaan Malaysia itu.

Menurut laporan terdahulu, latihan yang akan diadakan bulan depan itu akan diselaraskan oleh Malaysia, yang menarik diri tahun lepas kerana kegawatan ekonomi, dan menyebabkan latihan itu ditangguhkan.

Pada sidang berita yang sama, Howard berkata beliau telah membangkitkan latihan tersebut dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa pertemuan mereka di Kuala Lumpur November lepas, semasa sidang kemucak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

FPDA adalah perjanjian pertahanan yang ditubuhkan pada tahun 1971 untuk mempertahankan Malaysia dan Singapura daripada serangan luar.

-- BERNAMA

TCL RI